



PLANMalaysia
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
(Department Of Town And Country Planning)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Ministry of Housing and Local Government

Blok F5, Kompleks F, Persint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel (Tel) : 603-8091 0000
Faks (Fax) : 603-8091 0455
Laman Web : www.planmalaysia.gov.my
(Website)

Ruj. Kami : JPBD(IP)185/666 Jld.15(25)
Tarikh : 24 Januari 2022
21 Jamadil Akhir 1443H

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

JEMPUTAN MENGHADIRI TAKLIMAT BIMBINGAN PEPERIKSAAN SUBJEK JABATAN SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED JA29 BAGI SIRI 1 TAHUN 2022

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) akan mengadakan taklimat bimbingan peperiksaan bagi Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred JA29 yang akan menduduki Peperiksaan Subjek Jabatan Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred JA29 bagi Siri 1 Tahun 2022 seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 9 Mac 2022 (Rabu)

Masa : 8.30 pagi hingga 4.00 petang

**Tempat : TNB Integrated Learning Solution Sdn. Bhd (ILSAS)
Jalan IKRAM – UNITEN
43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR**

3. Taklimat ini bertujuan untuk memberi penerangan dan bimbingan mengenai peperiksaan yang akan diduduki. Sehubungan dengan itu, pegawai-pegawai yang telah memohon untuk menduduki peperiksaan tersebut hendaklah **melengkapkan Borang Kehadiran Taklimat** seperti di lampiran dan mengembalikannya bersama-sama dengan borang permohonan peperiksaan kepada Urus Setia Peperiksaan PLANMalaysia **sebelum atau pada 18 Februari 2022 (Jumaat)**.

4. Untuk makluman, kehadiran bagi taklimat ini hanya terhad kepada pegawai-pegawai yang akan menduduki peperiksaan sahaja. Sehubungan dengan itu, pegawai-pegawai yang telah terpilih untuk menduduki peperiksaan akan dimaklumkan selepas pemilihan dibuat melalui surat jemputan yang akan dikeluarkan kelak. Kehadiran ke taklimat ini adalah **diwajibkan. Pertimbangan dan kerjasama Ketua Jabatan adalah dimohon untuk memberi pelepasan kepada pegawai-pegawai yang telah terpilih untuk menghadiri taklimat ini.**

Kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SURIANI BINTI KAMALUDIN)

Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

b.p. Ketua Pengarah

PLANMalaysia

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)